

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 06 Mei 2021



KENYATAAN MEDIA
INDEKS HARGA PENGELOUAR PERKHIDMATAN MALAYSIA
SUKU TAHUN PERTAMA 2021

IHPrP meningkat 0.4% pada Suku Tahun Pertama 2021

PUTRAJAYA, 06 Mei 2021 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPrP) bagi mengukur purata perubahan harga perkhidmatan yang dikenakan oleh industri perkhidmatan tempatan di Malaysia.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPrP) bagi suku tahun pertama 2021 meningkat 0.4 peratus kepada 110.2 berbanding 109.8 pada suku yang sama tahun sebelumnya. Subsektor utama yang menunjukkan kepada peningkatan indeks ini ialah Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman (1.4%), Aktiviti Hartanah (1.4%), Kesihatan (1.3%), Pendidikan (0.8%) dan Pengangkutan (0.1%). Bagaimanapun, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Maklumat & Komunikasi masing-masing menunjukkan penurunan 1.2 peratus dan 0.1 peratus. Indeks Profesional tidak berubah.”

Mengulas lanjut terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Perbandingan suku tahunan menunjukkan indeks meningkat kepada 0.1 peratus. Peningkatan ini disumbangkan oleh subsektor berikut: Kesenian, Hiburan & Rekreasi (1.0%), Pendidikan (0.4%), Aktiviti Hartanah (0.4%), Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman (0.3%) dan Kesihatan (0.1%). Indeks bagi

Pengangkutan menurun 0.5 peratus manakala subsektor Profesional dan Maklumat & Komunikasi adalah tidak berubah.”

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara Bersemuka dan Dalam Talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

06 MEI 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, May 6th 2021



MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIA SERVICES PRODUCER PRICE INDEX (SPPI)
FIRST QUARTER 2021

SPPI increased 0.4% in the First Quarter of 2021

PUTRAJAYA, 06 May 2021 – Today, the Department of Statistics, Malaysia released the Services Producer Price Index (SPPI) to measure the average changes in the prices of services charged by the local services industry in Malaysia.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, “The Services Producer Price Index (SPPI) for the first quarter of 2021 increased 0.4 per cent to 110.2 as compared to 109.8 in the same quarter of the preceding year. The main sub-sectors that showed an increase were Accommodation and Food & Beverage Service Activities (1.4%), Real Estate Activities (1.4%), Health (1.3%), Education (0.8%) and Transportation (0.1%). However, the index for Arts, Entertainment & Recreation and Information & Communication decreased by 1.2 per cent and 0.1 per cent respectively. Index for Professional remained unchanged.”

Commenting further on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “On the Quarterly basis, the index increased 0.1 per cent. This was driven by the following sub-sectors: Arts, Entertainment & Recreation (1.0%), Education (0.4%), Real Estate Activities (0.4%), Accommodation and Food & Beverage Service Activities (0.3%) and Health (0.1%). The index for Transportation decreased 0.5 per cent while the Professional and Information & Communication indices remained unchanged.”

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via face to face and online (e-Census) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
06 MAY 2021**